

01 JUL 1999

Najib-UIA

PENUBUHAN UIA IDEA DR MAHATHIR, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menjelaskan bahawa penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) merupakan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diilhamkan pada tahun 1982.

Sambil menolak anggapan sesetengah pihak bahawa penubuhan UIA merupakan idea bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata idea itu dicetuskan semasa Anwar belumpun berada di dalam kerajaan.

"Kalau ada anggapan berlainan itu ia adalah tidak benar dan tidak disokong dengan fakta kenyataan," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis Pelajar Bersama Pemimpin di UIA, Gombak di sini.

Kertas cadangan penubuhan UIA dibawa ke kabinet oleh Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang ketika itu Menteri Pendidikan sebelum universiti berkenaan ditubuhkan secara rasmi pada 10 Mei 1983.

Najib berkata walaupun Anwar tiada kaitan lagi dengan UIA (sebagai presiden) namun perjuangan kerajaan untuk menegakkan agama Islam melalui universiti itu akan diteruskan.

Pada majlis dialog itu, beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan kerajaan menaikkan yuran universiti dalam masa terdekat ini.

Najib berkata jika ada pun kenaikan yuran di masa akan datang, kenaikannya adalah paling minimum.

"Setakat ini kita belum pernah menaikkan yuran sejak Universiti Malaya ditubuhkan," katanya.

Ketika menjawab soalan seorang pelajar yang ingin tahu sama ada peluang pekerjaan masih wujud bagi mereka memandangkan keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya, beliau memberi jaminan bahawa pekerjaan untuk mereka akan tetap ada.

-- BERNAMA

NZ RON